


INFO KAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak



Courtesy Visit
YB Datuk Hj Abdul Karim
Rahman Hamzah

UiTM

SARAWAK

pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak

MOA

UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020

Soars to Greater Heights

innosTRE

First Hybrid Conference



Program Makers Meet 'PTAR Fashion Show' anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Samarahan 2 telah berjaya dilaksanakan dengan pameran 10 rekaan

fesyen daripada Zaraqish Boutique. Program kerjasama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan ini telah berlangsung di ruang legar perpustakaan pada 20 November, 2019 yang lepas.

Menurut penyelarar program, Puan Zuraida Karim, pertunjukkan fesyen ini adalah untuk memenuhi projek PTAR 2019(Read@Uni) bagi mengisi kalendar aktiviti tahunan PTAR. Pada masa yang sama memberikan pengalaman kepada pelajar untuk merancang, mengurus dan melaksanakan program berkaitan bidang fesyen dan mendedahkan mereka kepada dunia pekerjaan sebenar.

Program ini telah dirasmikan oleh Penolong Rektor UiTM Kampus Samarahan 2, Profesor Madya Dr. Hasmah Mohidin. Turut hadir Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah, Dr. Khadijah Khalid dan Timbalan Ketua Pustakawan UiTM Cawangan Sarawak, Puan Norhayati Ismail.

Program selama 2 jam ini telah dihadiri lebih daripada 200 peserta terdiri daripada pelajar, pensyarah dan staf UiTM daripada pelbagai fakulti dan bahagian. Selain itu terdapat juga aktiviti lain seperti jualan booth dan konsultasi kecantikan daripada wakil jualan Avon (Kuching), Tupperware (Samarahan), Mary Kay & Hannan Medispa (Samarahan) dan khidmat menginai tangan (henna) dari Nai Henna Galleryz. Pihak PTAR merakamkan ribuan terima kasih kepada para jemputan yang telah sudi memeriahkan majlis dan menyumbangkan hadiahiah untuk 'lucky draw' kepada peserta yang hadir.

PROGRAM MAKER'S MEET "PTAR FASHION SHOW"

Pengarang: [Read@UNI]
Hapsah Binti Suut

Program "PTAR Charity Walk" Read@UNI telah berjaya diadakan pada 7 November 2019 hasil kerjasama Fakulti Pengurusan Maklumat. Para peserta terdiri daripada warga kampus telah berkumpul di Pusat Pelajar Kampus Samarahan pada jam 7.30 malam dan diikuti dengan sesi memanaskan badan sebelum memulakan acara berjalan kaki keliling kampus. Simbolik kepada program ini ialah untuk mengumpul buku-buku sumbangan peserta yang akan didermakan kepada perpustakaan desa yang memerlukan. Selain itu, acara ini juga sebagai penceetus kepada warga kampus agar sentiasa bersenam dan beriadah bagi mendapatkan tubuh badan yang sihat dan cergas.

Aktiviti ini juga selari dengan Kempen Membaca Kebangsaan bermula tahun 2018 hingga tahun 2020 bagi mewujudkan negara membaca menjelang 2030.

PTAR CHARITY WALK

Pengarang: [Read@UNI]
Hapsah Binti Suut



Pada 22 September 2020, jam 10:00 pagi telah berlangsung Live FB PTAR Sarawak "Outreach Webinar" anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak dengan kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM). Tajuk yang dipilih untuk dibincangkan adalah "Cabaran Pasca Covid-19: "Berhampar Lapik, Berlicin Daun" Penceramah jemputan ialah En. Fraziali Ismail, Penolong Gabenor, BNM.

Pengarang:
Hapsah Binti Suut

"Outreach Webinar" LIVE PTAR SARAWAK: "Wanita dan Kenegaraan"

Pengarang:
Hapsah Binti Suut



Pada 17 September 2020, jam 10:00 pagi telah berlangsung Forum Live FB PTAR Sarawak yang dianjurkan oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Sarawak. Program kali ini mengutarakan tajuk

"Wanita dan Kenegaraan". Panel jemputan ialah Dr. Hajah Rashidah Haji Bolhassan, Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak, Dr. Nadrawina Isnin, Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi UiTM Cawangan Sarawak. Program ini dikendalikan oleh Puan Norhayati Binti Ismail Timbalan Ketua Pustakawan, UiTM Cawangan Sarawak selaku moderator.



LIBRARY OPEN DAY

Pengarang:
Hapsah Binti Suut

Pada 18 Oktober 2019, pihak perpustakaan telah menganjurkan "Library Open Day". Program kolaborasi bersama Fakulti Pengurusan Maklumat ini berlangsung mulai jam 9.30 pagi hingga 5.00 petang. Majlis dirasmikan oleh Encik Muhamad Syukrie Bin Abu Talip, Pemangku Penolong Rektor, UiTM Kampus Mukah. Objektif penganjuran program adalah untuk merapatkan hubungan antara perpustakaan dengan warga UiTM, agensi luar dan juga orang awam di samping mempromosikan koleksi, perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Pelbagai acara menarik berbentuk informatif dan interaktif diadakan, antaranya lawatan sekitar perpustakaan, pemeriksaan kesihatan, pertandingan indoor games, kuiz, pameran buku dan cabutan bertuah. Program ini berjaya menarik seramai 200 orang pengunjung terdiri daripada warga UiTM Kampus Mukah, pelajar dan pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Kampus Samarahan, warga PTAR serta orang awam.





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PIB
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



1 772232 157005